

AKHBAR : BH AHAD
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

25 Ogos 2024 BH AHAD

Kenaikan elaun 'on call' doktor dibincang dengan PM

Cadangan perlu dipertimbang bagi kekal kemampuan sistem penjagaan kesihatan negara

Oleh Rosli Iham
bhnews@bh.com.my

Dungun: Kementerian Kesihatan setuju dengan cadangan supaya elaun tugas atas panggilan atau *on call* doktor dinaikkan dan akan membawa perkara itu kepada Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata pihaknya berpandangan kadar elaun itu perlu dinaikkan.

"Saya sangat menyokong (kenaikan) dan pastinya saya akan mengemukakan syor ini kepada perdana menteri supaya elaun ini dipertimbangkan.

"Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri yang telah mengumumkan kenaikan gaji kepada semua kakitangan awam dan kita akan bawa tuntutan ini juga kepada perdana menteri yang juga menteri kewangan," katanya.

Beliau ditanya berhubung permintaan Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (HDK) yang menggesa kerajaan segera menyemak semula kadar elaun tugas atas panggilan atau *on call* yang tidak disemak lebih sedekad, bagi mengekalkan kemampuan sistem penjagaan kesihatan negara.

HDK sebelum ini berkata, meskipun ada penyesuaian gaji untuk kakitangan awam yang diumumkan Sabtu lalu, terdapat keperluan mendesak menyemak semula elaun *on call* untuk doktor.



Dr Dzulkefly melawat ke ruang bilik perubatan pada majlis penyerahan projek Klinik Kesihatan Kota Putera, Besut dan Klinik Kesihatan Paya Datu, Kuala Terengganu, semalam. (Foto BERNAMA)

Kadar elaun berkenaan dika-takan tidak disemak selama lebih sedekad dengan kali terakhir disemak pada 2012.

Ujian saringan Mpxv

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, kerajaan telah melakukan ujian saringan cacar monyet atau Mpxv kepada 1.8 juta pengembara di semua pintu masuk negara dalam tempoh 16 hingga 22 Ogos lalu.

Ujian saringan itu dibuat termasuk di lapangan terbang di seluruh negara sejak Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan cepat Krisis Kebangsaan Pusat (CPRC) diaktifkan.

"Kita segera melakukan ujian saringan dan mengaktifkan CPRC selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan cacar monyet sebagai ancaman kesihatan antarabangsa.

"Ujian saringan yang dilaku-

kan itu bagi mengesan dan memantau pengembara yang mempunyai simptom cacar monyet menular di negara kita," katanya.

Pada majlis sama, beliau juga menyerahkan projek Klinik Kesihatan Kota Putera, Besut dan Klinik Kesihatan Paya Datu, Kuala Terengganu.

Dr Dzulkefly berkata, pihaknya menyediakan sebanyak 13 makmal bagi tujuan melakukan ujian bagi mengesan penyakit itu dengan turut mengambil beberapa langkah kesedaran awam termasuk mengedar garis panduan kepada semua klinik kesihatan dan swasta bagi mengesan dan merawat.

"Penyakit cacar monyet yang disahkan berlaku di negara ini sebanyak sembilan kes dan kes pertama berlaku pada 26 Julai tahun lepas dan terakhir dilaporkan pada November 2023.

"Penyakit cacar monyet ini adalah sejenis jangkitan daripada vi-

rus Mpxv daripada sejenis spesies di bawah genus Orthopoxvirus.

"Alhamdulillah setakat hari ini dan pada tahun ini tiada kes baharu cacar monyet dilaporkan di negara ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, biarpun kes berkenaan masih belum direkodkan, kementerianya tetap mengambil langkah berwaspada dan sentiasa berjaga-jaga.

"Penyakit ini boleh berjangkit sesama manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan Mpxv," katanya.

Sementara itu, laporan situasi Mpxv yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 12 Ogos 2024, dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2024 terdapat sebanyak 99,176 kes Mpxv di seluruh dunia membabitkan 116 negara, dengan 208 (0.21%) kematian.

AKHBAR : KOSMO AHAD
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

10 **Negara!**

Kosmo! Ahad 25 OGOS 2024

Pengembara tempatan, asing disaring dalam tempoh lebih seminggu

1.8 juta jalani saringan mpox

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

DUNGUN - Seramai 1.8 juta pengembara warga tempatan dan asing yang memasuki pintu masuk negara telah menjalani saringan jangkitan cacar monyet atau mpox dalam tempoh lebih seminggu sejak 16 Ogos lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, setakat ini tiada kes positif mpox dilaporkan di negara ini dan kali terakhir kes mpox dilaporkan di negara ini ialah pada Disember tahun lalu.

"Begitupun sangat mustahak untuk kita terus memantau dan tidak terlalu selesa kerana WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) telah mengisytiharkan mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam (PHEIC).

"Rakyat terutama yang baru pulang dari luar negara perlu bersiap siaga. Segera melakukan saringan dan mendapatkan rawatan di klinik kesihatan berhampiran sekiranya bergejala," katanya selepas menghadiri majlis penyerahan projek Hospital Dungun di sini semalam.

Beliau berkata, selain melakukan saringan di semua pintu masuk negara termasuk lapangan terbang, Kementerian Kesihatan (KKM) juga telah mengeluarkan pekeliling berhubung garis panduan menangani mpox.

Jelas beliau, ujian saringan



DR. DZULKEFLY (kanan) merasmikan Majlis Penyerahan Projek Hospital Dungun semalam.

mpox terbabit akan dilakukan di 13 makmal merangkumi lapan milik kerajaan dan lima swasta di seluruh negara.

"Kita juga akan mengeluarkan kenyataan media berhubung perkembangan mpox ini (untuk makluman rakyat) dari semasa ke semasa.

"Kerjasama dengan negara-

negara ASEAN juga erat bagi mengekang penularan mpox ini," katanya.

Ujarnya, setakat ini, kerajaan masih belum berhasrat untuk melaksanakan vaksinasi dan antiviral bagi menangani mpox.

Begitupun, beliau berkata, KKM bersedia untuk melaksanakan vaksinasi dan antiviral

tersebut sekiranya diperlukan kelak.

Sebelum ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan mpox sebagai PHEIC buat kali kedua pada 14 Ogos lalu berikutan peningkatan lebih 15,600 kes dan 537 kematian dilaporkan sejak awal tahun ini.

Hospital Bachok dijangka beroperasi Oktober ini

TANAH MERAH - Hospital Bachok yang sebelum ini terbengkalai selama tiga tahun dijangka beroperasi pada Oktober ini selepas Jabatan Kerja Raya (JKR) menyerahkan bangunan tersebut kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin bagaimanapun berkata, penyerahan hospital itu dijangka dilakukan awal bulan depan.

"Mengikut maklumat yang kita terima, JKR akan serah bangunan hospital itu pada awal September ini. Jadi, ia akan dapat beroperasi sebulan selepas penyerahan tersebut.

"Bagaimanapun, ia bergantung kepada pihak JKR nanti," katanya selepas Karnival Promosi Kesihatan, Hari Terbuka Hospital Kluster Kelantan Barat dan Program Kelantan Sihat di Hospital Tanah Merah, di sini semalam.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, projek Hospital Bachok yang sepatutnya siap pada Disember 2020 mengalami kelewatan ekoran masalah syarikat pemaju terdahulu yang berdepan isu kewangan selain tidak cukup pekerja akibat Covid-19.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : RENCANA

MPOX, dulu dikenali sebagai monkeypox adalah disebabkan oleh virus cacar genus Orthopoxvirus. Ia terbahagi kepada dua jenis iaitu clade I (jenis lebih parah, di mana kadar kematian 0.1 peratus sehingga 10 peratus) dan clade II (kurang parah dan hampir 99.9 peratus pesakit sembuh). Mpx awalnya dikatakan merebak dari haiwan liar (*bushmeat*) yang dimakan oleh penduduk di Afrika yang duduk di pinggir hutan Congo.

Dikatakan berasal dari jenis tikus (*rodents*) dan menggunakan monyet (*primate*) sebagai haiwan untuk virus ini mereplikasi dan membiak. Apabila manusia memakan haiwan ini, virus ini merebak pula ke manusia.

Setakat ini, haiwan terinfeksi virus ini berada di Afrika dan belum dari negara luar. Masa inkubasi antara enam hingga 21 hari lamanya. Golongan yang berkontak dengan haiwan terinfeksi ialah mereka yang makan daging haiwan, peladang dan penternak haiwan.

CARA JANGKITAN MPOX

Setakat Jun 2024, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan sudah 116 negara terjejas dengan 97,745 kes melalui ujian makmal, dan 116 kematian. Mpx berjangkit melalui sentuhan langsung.

Ia menjangkit daripada air lelehan daripada kulit terbuka yang mempunyai luka dan boleh menjangkiti orang lain melalui hubungan seks. Virus ini pernah dikesan di dalam air mani (semen lelaki) dan



PENGEMBARA luar negara beratur untuk pemeriksaan pasport di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

Wabak cacar monyet boleh gugat dunia

rembesan cecair dari cecair pernafasan mereka yang diinfeksi.

Ia juga boleh berjangkit kepada golongan yang mempunyai kontak langsung sentuhan dengan orang lain yang terjangkit virus mpx ini, contoh jika bercium, kulit ke kulit melalui seks dan jika menjaga orang lain melalui lelehan dan rembesan badan orang itu. Kebanyakan kes mempunyai kontak seksual iaitu lelaki dengan lelaki, biseksual, atau gay.

Orang yang mempunyai sistem imuniti yang terjejas, contoh mengidap HIV, mempunyai risiko keparahan lebih tinggi dan risiko kematian lebih tinggi jika

dijangkiti.

Golongan ibu juga boleh terjangkit daripada pasangan mereka, malah melalui transmisi vertikal boleh menjangkiti anak dalam kandungan mereka.

Peningkatan kes kini mendadak di Afrika. Negara baru terjejas adalah Burundi, Kenya, Rwanda dan Uganda, yang merebak dari Congo. Virus juga telah ditemui di Amerika, United Kingdom, Kanada, Mexico, Amerika Selatan, Australia, Itali, New Zealand, China, Vietnam, Indonesia, Thailand, Japan dan Sweden.

Kebanyakan kes terinfeksi melalui cara hubungan seksual. Bagaimanapun, sudah ada kes yang berlaku

tanpa ada pendedahan seksual. Ini merujuk ke cara transmisi yang berlaku melalui sentuhan langsung dan sentuhan melalui perkakas terkontaminasi cecair badan orang terinfeksi mpx.

KOMPLIKASI JANGKITAN

Kulit boleh terjejas dengan menjadi nanah atau jangkitan kulit yang parah. Antara gejala cacar ini adalah demam, kelesuan, dehidrasi, sakit kepala, kelenjar limfa membengkak dan sakit. Selain itu, timbul ruam di kawasan mukosa mulut, kulit, kemaluan, dubur dan badan. Ruam ini sakit dan gatal seperti cacar air.

Komplikasi lain termasuk radang paru-paru, jangkitan dalam mata hingga kebutaan (*corneal infection with loss of vision*), sukar menelan dan makan, muntah-muntah, cirit-birit menyebabkan dehidrasi dan kerosakan buah pinggang; inflamasi otak (*encephalitis*), inflamasi jantung (*myocarditis*), inflamasi usus rectum (*proctitis*), jangkitan kemaluan (*balanitis*), infeksi salur kencing (*urethritis*), malah kematian. Virus mpx juga mengakibatkan kematian yang meningkat di Afrika, berbanding tahun lalu akibat strain clade I dan Ib, baru-baru ini.

CARA MENANGANI

Elakkan jangkitan dengan tidak melakukan hubungan seksual dengan pasangan berisiko tinggi (contoh, banyak pasangan, seks tanpa kondom, yang ada sejarah mengalami penyakit jangkitan seksual sebelum ini, berasal dari daerah endemik virus

mpx seperti Congo).

Elakkan menyentuh barangan yang mungkin tercemar dengan rembesan virus mpx jika berhubung dengan pesakit mpx lain.

VAKSIN MPOX

Apabila berlaku wabak, sepastiya wujud juga vaksin-vaksin menentang virus smallpox dan ia turut berkesan melawan virus mpx kerana mereka berasal daripada keluarga virus sama. Vaksin ini diberi ke negara mewah seperti di Eropah dan Amerika Utara untuk mengawal penyakit mpx.

Vaksin yang sama dikatakan akan diberi ke negara Afrika juga yang banyak terjejas mpx. Vaksin ini diberi juga sebagai pencegahan dan dikatakan berkesan sebanyak 85 peratus menghindari jangkitan virus mpx.

Malah jika terjangkit juga, jangkitan mpx ini, tidak akan teruk dan hanya jangkitan ringan saja akan berlaku.

Vaksin mpx diberi sebanyak dua dos, selang 28 hari yang digunakan setakat ini dikenali sebagai MVA-BN vaksin, atau Modified Vaccinia Ankara-Bavarian Nordic.

Dua vaksin lain adalah dari keluaran Jepun vaksin LC16 dan dari Rusia iaitu OrthopoxVac. Di Amerika dan Australia, vaksin bernama ACAM2000, diberi kepada yang berisiko terdedah infeksi ini.

Mereka yang disaring dan jika positif ujian mpx, juga perlu diisolasi jika mempunyai simptom; malah jika tanpa simptom untuk mengelakkan jangkitan selanjutnya ke orang lain.

Kesimpulannya, di negara ini langkah terbaik adalah mengenalpasti dari mana pengembara yang datang iaitu dari negara berisiko tinggi yang sudah mempunyai kes-kes mpx. Untuk mereka yang berisiko tinggi, patut menerima pemeriksaan kesihatan untuk menilai sejauh mana risiko mereka untuk membawa virus.

Namun, sukar untuk kita mengenal pasti yang memasuki Malaysia dan jika mereka terdiri daripada golongan berisiko tinggi, melainkan siasatan saringan setiap orang dijalankan.

Bagaimanapun, bagi yang sudah mempunyai simptom dan tanda badan yang jelas; maka mereka perlu ditahan untuk kuarantin dan melihat perkembangan pesakit di wad isolasi khas.

Prof Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh ialah Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

MALAYSIA KITA

MARO

SUDAH HABIS PALLI 2024! UCAPAN SEMULA PERWAKILAN ARAH BERANI DAN TEGAS! TERUTAMA DARI SAYAP PEMUDA!

TAPI AKU SYOK DENGAR UCAPAN DARI LEJEN DULU-DULU! MAN PEN DAN SYAMSUL DEBAT! DALAM JENAKA PENUH ISI!



MARO

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 39
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

1.8 juta pengembara jalani ujian cacar monyet

Oleh Zaid Mohd. Noor dan
Rohana Ismail
utusan@news@mediamulla.com.my

DUNGUN: Seramai 1.8 juta pengembara warga tempatan dan asing yang memasuki negara ini melalui pintu sempadan termasuk lapangan terbang telah menjalani ujian saringan cacar monyet atau Mpox oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) yang diaktifkan sejak 16 Ogos lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihak kementerian bertindak mengaktifkan CPRC bagi memantau dan menghindari penularan wabak cacar monyet di negara ini.

Menurutnya, bilik gerakan tersebut berperanan memantau situasi cacar monyet di dalam dan luar negara serta berkolabo-

rasi dan koordinasi bersama negara-negara ASEAN mengenai langkah-langkah pencegahan dan kawalan.

Bagaimanapun, menurutnya, setakat ini, tiada laporan kes baharu membabitkan cacar monyet di Malaysia.

"Jumlah keseluruhan cacar monyet yang disahkan di negara ini kekal sembilan kes dan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan terakhir ialah pada November tahun sama," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Projek Hospital Dungun, Klinik Kesihatan Kota Putera, Besut dan Klinik Kesihatan Paya Datu, Kuala Terengganu, di sini semalam.

Cacar monyet ialah sejenis jangkitan disebabkan oleh virus cacar monyet iaitu spesies di bawah genus Orthopoxvirus.

Jangkitan tersebut boleh berlaku antara manusia ke manusia melalui sentuhan rapat secara langsung dengan ruam atau lepuh pada kulit individu yang mempunyai gejala dan tanda jangkitan mpox.

Sementara itu, laporan situasi cacar monyet yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 12 Ogos 2024, dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2024 terdapat sebanyak 99,176 kes di seluruh dunia yang membabitkan 116 negara, dengan 208 (0.21%) kematian.

Dzulkefly memberitahu, pihaknya turut menyediakan sebanyak 13 makmal bagi melakukan ujian mengesan virus cacar monyet yang berbahaya itu.

"Selain itu, beberapa langkah lain turut diambil antaranya mengedarkan garis panduan

kepada semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta bagi mengesan, merawat dan rujukan terhadap kes tersebut.

"Kita juga sentiasa meningkatkan secara berterusan kesedaran awam berhubung penyakit ini," katanya.

Sementara itu di Tanah Merah, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menjalankan pemantauan di pintu masuk di sempadan Malaysia-Thailand susulan penyakit Cacar Monyet atau Mpox varian baharu Clade 1 dikesan di negara Gajah Putih itu.

Pengaruhnya, Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, usaha itu bagi memastikan kemasukan penyakit tersebut berjaya dikendalikan.

Menurutnya, setakat ini JK-NK belum menerima apa-apa laporan lagi berkaitan kes Mpox.

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

KKM aktif bilik gerakan cacar monyet

13 makmal disediakan, saringan kesihatan pintu masuk sempadan diperketat

Oleh NORHASPIDA YATIM
DUNGUN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengaktifkan bilik gerakan cacar monyet atau Mpox di Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) bagi memantau dan mengawal wabak tersebut daripada menular ke negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, saringan kesihatan di semua pintu masuk sempadan negara termasuk lapangan terbang diperketat selepas pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan penyakit itu sebagai kecemasan kesihatan antarabangsa.

Menurutnya, setakat ini 1.8 juta pengembara telah menjalani proses saringan sejak bilik gerakan berkenaan diaktifkan bermula 16 hingga 22 Ogos lalu.

"Kita sentiasa ambil langkah berjaga-jaga berhubung penularan virus Mpox ini dengan mengaktifkan bilik gerakan (CPRC) sejak 16 Ogos lalu bagi memantau situasi dalam dan luar negara.

"Setiap pengembara yang tiba akan melalui proses saringan kesihatan yang ketat bagi memastikan mereka bebas dan tidak memiliki gejala penyakit ter-



Dr Dzulkefly (dua dari kanan) melihat kemudahan kesihatan yang ada di Hospital Dungun sempena majlis penyerahan yang diadakan di hospital tersebut pada Sabtu.

sebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Penyerahan Projek Hospital Dungun; Klinik Kesihatan Paya Datu, Kuala Terengganu dan Klinik Kesihatan Kota Putera, Besut di sini pada Sabtu.

Dalam perkembangan sama, katanya, pihaknya turut menyediakan sebanyak 13 makmal bagi mengesan jangkitan wabak tersebut.

"Kita memiliki keupayaan 13 makmal di seluruh negara bagi melakukan ujian mengesan virus berbahaya itu.

"Selain itu, beberapa langkah lain turut diambil antaranya mengedarkan garis panduan kepada semua fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta bagi mengesan, merawat dan rujukan terhadap kes tersebut.

"Kita juga sentiasa meningkatkan secara berterusan kesedaran awam ber-

hubung kes ini," katanya.

Bagaimanapun Dr Dzulkefly berkata, setakat ini tiada laporan diterima berhubung kes baharu membabitkan cacar monyet di Malaysia.

Dalam perkembangan lain katanya, cadangan Kumpulan Hartai Doktor Kontrak (HDK) berhubung kadar elaun tugas atas panggilan atau *on call* petugas perubatan akan diteliti dan dibawa kepada Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

"KKM sokong saranan HDK mengenai keperluan untuk meningkatkan kadar elaun tersebut.

"Kita berterima kasih kepada Perdana Menteri yang telah mengumumkan kenaikan gaji kepada semua kakitangan awam dan kita akan bawa tuntutan ini juga kepada perdana menteri yang juga menteri kewangan," katanya.

JKNK ambil sampel di pintu masuk

TANAH MERAH - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menjalankan kerja-kerja pengambilan sampel di pintu-pintu masuk sempadan Malaysia-Thailand di negeri ini bagi mengekang penularan cacar monyet atau Mpox.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, setakat ini pihaknya belum terima sebarang laporan berkaitan kes tersebut.

"Tapi kita telah mengadakan aktiviti pengambilan sampel di pintu-pintu masuk negara. Alhamdulillah setakat ini belum ada dikesan," katanya semasa sidang akhbar pada Sabtu.



DR ZAINI

Sebelum itu beliau hadir pada Karnival Promosi Kesihatan, Hari Terbuka Hospital Kluster Kelantan Barat dan Program Kelantan Sihat Peringkat Hospital Tanah Merah di sini yang dirasmikan oleh Exco Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Helmi Abdullah.

Menurut beliau, JKNK juga memperketatkan pemeriksaan kesihatan di semua pintu masuk sempadan sebagaimana garis panduan yang telah dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkaitan dengan Mpox.

Media tempatan melaporkan, KKM mengesahkan tiada kes baharu membabitkan Mpox di Malaysia setakat ini biarpun berlaku peningkatan jangkitan di rantau Afrika baru-baru ini.

KKM memaklumkan, jumlah keseluruhan Mpox yang disahkan di negara ini kekal sembilan kes yang mana kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan terakhir ialah pada November tahun sama.

Kes denggi meningkat, 3 kematian direkod

PUTRAJAYA - Kes demam denggi mencatatkan sedikit peningkatan kes pada Minggu Epidemiologi ke-33 (ME33) iaitu bagi tempoh 11 Ogos hingga 17 Ogos lepas kepada 2,294 kes berbanding 2,278 kes pada minggu sebelumnya, dengan tiga kematian akibat komplikasi dilaporkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan dalam kenyataan pada Sabtu berkata, kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan hingga ME33 adalah sebanyak 92,827 kes berbanding 75,928 bagi tempoh sama tahun lepas.

"Terdapat 83 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 54 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2023," katanya.

Beliau berkata, bilangan lokaliti

hotspot yang dilaporkan pada ME33 adalah 91 lokaliti berbanding 86 lokaliti pada minggu sebelumnya, dan daripada 91 lokaliti yang dilaporkan, 74 lokaliti di Selangor, masing-masing tiga di Kuala Lumpur dan Putrajaya, Negeri Sembilan, Perak, Kelantan, Sabah serta masing-masing satu di Kedah dan Pulau Pinang.

Merujuk kepada survelan chikungunya, Dr Muhammad Radzi berkata, terdapat dua kes direkodkan pada ME33, menjadikan jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini ialah 66 kes dan tiada wabak chikungunya dilaporkan dalam tempoh tersebut.

Bagi survelan zika pula, beliau berkata, 1,721 sampel darah, lapan sampel urin dan tiga sampel cerebrospinal telah disaring dan kesemua mencatatkan keputusan negatif. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 28
RUANGAN : NASIONAL

JKNK ambil sampel 131 murid alami keracunan makanan

TANAH MERAH - Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) sudah mengambil sampel makanan selepas 131 murid di sebuah sekolah kebangsaan di Kota Bharu mengalami keracunan pada 18 Ogos lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, dua daripada murid berkenaan menerima rawatan di sebuah hospital swasta, manakala selebihnya sebagai pesakit luar.

"Keputusan masih belum keluar sama ada disebabkan bakteria atau yang berkaitan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Karnival Promosi Kesihatan, Hari Terbuka Hospital Kluster Kelantan Barat dan Program Kelantan Sihat Peringkat Hospital Tanah Merah di sini pada Sabtu.

Menurut Dr Zaini, setakat ini keracunan tersebut masih terkawal dan JKNK menasihatkan orang ramai memilih premis yang bersih.

Katanya, pengendali makanan juga dinasihatkan agar menitik beratkan aspek kebersihan dalam penyediaan makanan.



Dr Zaini (dua dari kiri) melawat gerai pameran pada Karnival Promosi Kesihatan, Hari Terbuka Hospital Kluster Kelantan Barat dan Program Kelantan Sihat Peringkat Hospital Tanah Merah pada Sabtu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEWS / NATION

INFLATIONARY PRESSURES

ON-CALL RATE HIKE: PM TO GET PROPOSAL

Health minister supports increase, will pass recommendation to Anwar

ROS LI ILHAM
DUNGUN
 news@nst.com.my

HEALTH Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad says he will raise a proposal for an increase in doctors' on-call allowance with Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"I support the increase and will certainly pass this recommendation to the prime minister for his consideration."

"We are grateful to the prime minister for the salary increase for civil servants and we will also take this request to him."

Previously, Hartal Doktor Kontrak, a group representing doctors, had urged the government to review the on-call allowance,

which has not changed for more than a decade.

The group said this was needed despite the salary adjustment for civil servants due to inflationary pressures.

Meanwhile, Dr Dzulkefly said the government had screened 1.8 million travellers for mpox at entry points between Aug 16 and 22.

He said the screenings were implemented following the activation of the National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC).

"We initiated the screenings and activated the CPRC after the World Health Organisation (WHO) declared mpox an international health emergency."

He said this after the Dungun Hospital project handover cere-



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad inspecting medical equipment at Dungun Hospital yesterday. PIC BY GHAZALI KORI

mony yesterday.

He also handed over the Kota Putera Health Clinic in Besut and Paya Datu Health Clinic in Kuala Terengganu.

He said 13 laboratories had been set up to conduct mpox tests.

The government has launched public awareness measures, including distributing guidelines to health and private clinics on mpox detection and treatment.

"There were nine confirmed cases of mpox in the country."

"The first case was reported on July 26 last year and the most recent one was in November.

"Mpox is caused by the mpox virus, which belongs to the Orthopoxvirus genus."

He said the country did not record any mpox cases this year, but his ministry would continue to take measures.

"The disease can be transmitted between humans through direct close contact with rashes or blisters on the skin of those who show symptoms of mpox infection."

On Aug 12, WHO reported that between Jan 1, 2022, and June 30 this year, 99,176 cases of mpox have been reported in 116 countries, including 208 deaths (0.21 per cent).

AKHBAR : SUNDAY STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

Govt staying on guard against mpox outbreak

DUNGUN: The government has already activated a special operations room at the National Crisis Preparedness and Response Centre to monitor and prevent any possible spread of mpox.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the operations room, formed on Aug 16, is tasked with overseeing the outbreak both domestically and internationally while also coordinating with Asean countries on preventive and control measures.

"We are actively monitoring developments and conducting temperature screenings at all entry points into the country.

"These screenings have been going on since the onset of the Covid-19 pandemic and will continue as needed," he told reporters at the Dungun Hospital here yesterday.

Dzulkefly said between Aug 16 and Aug 22, a total of 1.8 million travellers were screened at the country's entry points, reported Bernama.

He added that 13 laboratories nationwide are ready to conduct diagnostic tests for the virus, adding that Malaysia is also collaborating with Asean and the World Health Organisation to secure vaccines and antiviral treatments.